



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### MESYUARAT MENTERI-MENTERI TENAGA APEC KE-15 DAN LAWATAN KE DOOSAN ENERBILITY PADA 27 OGOS 2025

**BUSAN, 27 OGOS 2025** – YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Fadillah Yusof, telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga APEC ke-15 (APEC EMM15) yang berlangsung di Busan, Republik Korea. Mesyuarat yang bertemakan "*Sustainable Growth through Innovative and Inclusive Transition*" ini menghimpunkan menteri-menteri tenaga daripada 21 ekonomi anggota APEC untuk membincangkan hala tuju bersama dalam memperkukuh keselamatan tenaga, meningkatkan penggunaan tenaga bersih, serta mengukuhkan kerjasama serantau.

Dalam sesi pembukaan, Malaysia menegaskan komitmen untuk mengimbangkan trilema tenaga – *security*, *sustainability* dan *affordability* – sebagai teras utama dasar peralihan tenaga negara. Malaysia turut menyatakan sokongan terhadap keutamaan tuan rumah yang memberi

tumpuan kepada pertumbuhan lestari melalui inovasi dan peralihan inklusif.

YAB Timbalan Perdana Menteri turut menekankan bahawa Malaysia melalui *National Energy Transition Roadmap (NETR)* telah merangka langkah strategik untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu kepada 70 peratus menjelang 2050, sambil menjana peluang pekerjaan dalam bidang tenaga bersih dan memastikan peralihan tenaga yang adil untuk semua. Malaysia turut menggalakkan APEC untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang inovasi digital termasuk penggunaan AI dalam sistem tenaga, pembiayaan hijau, serta perdagangan kuasa rentas sempadan.

Dua mesyuarat dua hala telah diadakan iaitu bersama Singapura dan New Zealand. Perbincangan dua hala bersama New Zealand merangkumi pelbagai topik di bawah sektor tenaga seperti peluang pelaburan dalam bidang peralihan tenaga dan kerjasama dalam perubahan iklim. Selain itu, Malaysia dan New Zealand bersetuju untuk meneroka kerjasama dalam bidang tenaga khususnya tenaga geotermal. Manakala bersama Singapura, topik yang dibincangkan memberi fokus kepada pengukuhan ASEAN Power Grid dengan perluasan rangkaian sambungtara di rantau ASEAN.

Selain menghadiri mesyuarat rasmi, YAB Timbalan Perdana Menteri turut mengadakan lawatan kerja ke **Doosan Enerbility**, sebuah syarikat teknologi tenaga utama Republik Korea yang terlibat dalam pembangunan turbin gas dan stim, sistem tenaga hidrogen, reaktor nuklear dan teknologi penangkapan karbon. Lawatan ini memberi peluang untuk meninjau potensi kerjasama teknologi dan pelaburan dalam sektor tenaga bersih antara Malaysia dan Republik Korea, selaras dengan aspirasi Malaysia untuk mempercepatkan peralihan tenaga

negara dan membina ekosistem hijau yang berdaya saing di peringkat global.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**27 OGOS 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

